

PENGGUNAAN KAEDAH PENGAJARAN KOPERATIF
STUDENT TEAMS-ACHIEVEMENT DIVISIONS (STAD) BAGI
PENGAJARAN PERAKAUNAN KOS 1 : KAJIAN KES DI
JABATAN PERDAGANGAN POLITEKNIK KOTA BHARU

MOHAMAD ANUAR BIN SEMAN

Kajian Kes ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat
Penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan (Teknik Dan Vokasional)

Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional
Fakulti Teknologi Kejuruteraan
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

SEPTEMBER, 2002



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

*U*ntuk ayahanda Seman bin Haji Salleh dan Allahyarhamah bonda Ramlah Bte Ya'acob yang telah pergi.....

JASAMU TETAP DIKENANG HINGGA AKHIR HAYAT

Tidak lupa juga kepada.....

Mak, Kak Mimi, Wari, Aje, Kram, Adik Kemal dan Rosmawati serta rakan-rakan seperjuangan.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

PENGHARGAAN

Bersyukur saya ke hadrat ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapatlah saya menghasilkan satu kajian yang bertajuk “Penggunaan Kaedah Pengajaran Koperatif Student Teams-Achievement Divisions (STAD) Bagi Pengajaran Perakaunan Kos 1: Kajian Kes Di Jabatan Perdagangan Politeknik Kota Bharu”.

Terlebih dahulu saya ingin merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Puan Hajah Sarebah bt Warman selaku penyelia saya yang sudi memberikan bimbingan dan tunjuk ajar serta pelbagai nasihat sepanjang tempoh kajian ini dijalankan. Segala jasa baik beliau amat dihargai dan ianya amat berguna serta begitu bernilai sekali.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ditujukan kepada pensyarah dan pelajar Diploma Perakaunan semester 3 yang mengambil subjek Perakaunan Kos 1 kerana telah memberikan kerjasama, komitmen dan sokongan terhadap penyelidikan yang dijalankan ini. Kepada rakan-rakan seperjuangan, bapa dan keluarga yang telah banyak memberikan sokongan, bantuan dan galakan diucapkan berbanyak terima kasih dengan pengorbanan yang tidak ternilai.

Harapan saya, semoga kajian kes yang dilakukan ini dapat memberikan manfaat kepada semua pihak. Insyaallah.

ABSTRAK

Penyelidikan yang dijalankan ialah untuk meninjau penggunaan kaedah pengajaran kooperatif *Student Teams-Achievement Divisions* (STAD) bagi pengajaran Perakaunan Kos 1 di Jabatan Perdagangan Politeknik Kota Bharu. Objektif kajian ialah mengenalpasti tahap penerimaan pelajar terhadap kaedah pengajaran tersebut dan tahap permasalahan yang dihadapi oleh pelajar semasa kaedah tersebut dilaksanakan. Kepentingan kajian adalah memberi keyakinan kepada pensyarah terhadap penggunaan kaedah pengajaran kooperatif khusus dalam mata pelajaran Perakaunan Kos 1 bagi meningkatkan kefahaman para pelajar. Seramai 43 orang pelajar Diploma Perakaunan Politeknik Kota Bharu terlibat dalam kajian yang dijalankan iaitu terdiri daripada 37 orang pelajar perempuan dan 6 orang pelajar lelaki. Instrumen kajian ialah soal selidik dan data-data yang diperolehi telah diproses menggunakan perisian SPSS versi 10.0. Hasil kajian mendapati secara keseluruhannya tahap penerimaan pelajar terhadap kaedah pengajaran kooperatif STAD adalah positif. Pelajar bersetuju kaedah pengajaran kooperatif STAD boleh meningkatkan kefahaman mereka dalam mempelajari subjek Perakaunan Kos 1 (skor min=3.99). Pelajar juga bersetuju melalui kaedah pengajaran kooperatif STAD dapat membentuk kemahiran sosial di kalangan mereka (skor min=3.86). Selain itu pelajar menunjukkan minat terhadap kaedah pengajaran kooperatif STAD (skor min=3.85). Di segi permasalahan pula, dapatan kajian menunjukkan tahap permasalahan menimbulkan konflik dalaman pelajar adalah rendah (skor min=2.32). Manakala tahap permasalahan menimbulkan konflik antara ahli kumpulan juga menunjukkan tahap rendah (skor min=2.44). Namun pelajar menghadapi masalah yang agak dominan dari segi masa yang diperuntukkan iaitu agak terhad (skor min=3.72). Hasil kajian diharap boleh dijadikan kayu ukur oleh pensyarah untuk melaksanakan kaedah pengajaran kooperatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam mata pelajaran Perakaunan Kos 1.

ABSTRACT

The implementation of this study is to survey the application of co-operative teaching method for Student Teams-Achievement Divisions (STAD) in Costing 1 teaching at Commerce Department Politeknik Kota Bharu. The objective is to identify the acceptance level towards that method and problems that students are facing when the method is implemented. The significant of this study is to make the lecturers confident in using co-operative method especially in Costing 1 syllabus in order to upgrade the students' comprehensive. 43 samples of students have been chosen namely 37 girls and 6 boys from Diploma of Accounting Politeknik Kota Bharu. Researcher uses questionnaire and the data are processed by using SPSS Ver. 10. The outcomes show that the acceptance of STAD co-operative teaching method are positive for students and the mean score is 3.99. Students are also agree that STAD co-operative teaching method can build social skills among them (mean score=3.86). Besides that, students show interested in STAD co-operative teaching method. The outcomes of problems show that the level of problem contribute to students internal conflict is low (mean score=2.32) and the problem level that contribute to conflict among students is also low (mean score=2.44). By the way the dominant students problem such as time allocation is limited (mean score=3.72). The findings is hopefully can be by lecturers in implementing the co-operative teaching method in teaching and learning process especially in the Costing 1 syllabus.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	BORANG PENYERAHAN KAJIAN KES	
	HALAMAN PENGESAHAN PENYELIA	
	HALAMAN JUDUL	i
	HALAMAN PENGAKUAN PENYELIDIK	ii
	HALAMAN DEDIKASI	iii
	PENGHARGAAN	iv
	ABSTRAK	v
	ABSTRACT	vi
	KANDUNGAN	vii
	SENARAI JADUAL	xi
	SENARAI LAMPIRAN	xiii
BAB 1	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	6
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.5.1 Objektif Umum	7
	1.5.2 Objektif Khusus	7
	1.6 Skop Kajian	8
	1.7 Kepentingan Kajian	8
	1.8 Definisi Operasi	9
	1.8.1 Pengajaran Koperatif	9

1.8.1	Pengajaran Koperatif	9
1.8.2	<i>Student Teams-Achievement</i> <i>Divisions (STAD)</i>	9
1.8.3	Jabatan Perdagangan Politeknik	10
1.8.4	Perakaunan Kos 1	10

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	11
2.2	Definisi Pembelajaran Koperatif	13
2.3	Prinsip Asas Pembelajaran Koperatif	14
2.3.1	Semangat Kesalingbergantungan Positif	14
2.3.2	Tanggungjawab Individu	14
2.3.3	Interaksi Bersemuka	15
2.3.4	Kemahiran Sosial	15
2.3.5	Proses Berkumpulan	16
2.4	Dapatan Kajian Tentang Implikasi Pembelajaran Koperatif	17
2.4.1	Akademik	17
2.4.2	Pembangunan Personal dan Interaksi Sosial	18
2.5	Kaedah <i>Student Teams-Achievement</i> <i>Divisions (STAD)</i>	19
2.5.1	Komponen-komponen Kaedah <i>Student Teams-Achievement</i> <i>Divisions (STAD)</i>	19
2.6	Kesimpulan	22

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	23
3.2	Rekabentuk Kajian	23
3.3	Tatacara Kajian	24

3.3.1	Langkah 1 : Penyediaan Kaedah Pengajaran Koperatif STAD	25
3.3.2	Langkah 2 : Penerangan dan Latihan Kepada Pensyarah	25
3.3.3	Langkah 3 : Perlaksanaan Kaedah Pengajaran Koperatif STAD dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran Subjek Perakaunan Kos 1	26
3.3.3	Langkah 4 : Refleksi Kendiri	26
3.3.4	Langkah 5 : Analisis Data	26
3.3.5	Langkah 6 : Hasil Kajian	27
3.4	Sampel Kajian	27
3.5	Instrumen Kajian	27
3.5.1	Borang Soal Selidik	28
3.6	Kajian Rintis	29
3.7	Analisis Data	30
3.8	Andaian	33
3.9	Limitasi	34

BAB IV ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	35
4.2	Analisis Data	36
4.3	Demografi Responden	36
4.4	Tahap Penerimaan Responden Terhadap Kaedah Pengajaran Koperatif STAD	37
4.4.1	Meningkatkan Kefahaman	37
4.4.2	Membentuk Kemahiran Sosial	39
4.4.3	Minat Terhadap Kaedah Pengajaran Koperatif STAD	40
4.5	Persepsi Pelajar Terhadap Permasalahan yang Dihadapi Semasa Kaedah Pengajaran Koperatif STAD Dilaksanakan	41
4.5.1	Menimbulkan Konflik Diri	42

4.5.2	Menimbulkan Konflik Antara Ahli Kumpulan	43
4.5.3	Menimbulkan Lain-lain Masalah	44
4.6	Kesimpulan	45

BAB V PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	47
5.2	Perbincangan	48
5.3	Rumusan	53
5.4	Cadangan	54
5.4.1	Cadangan Mengenai Penggunaan Strategi Pembelajaran Koperatif Kaedah STAD di Politeknik	55
5.4.1.1	Jabatan Pendidikan Teknikal	55
5.4.1.2	Pensyarah Politeknik	55
5.4.1.3	Pelajar	56
5.4.2	Cadangan Mengenai Kajian Akan Datang	56
5.4.2.1	Skop Kajian	56
5.4.2.2	Instrumen Kajian	57

	BIBLIOGRAFI	58
--	--------------------	----



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Perbezaan ciri kaedah pengajaran tradisional dengan kaedah pengajaran koperatif	4
2.1	Penilaian pencapaian individu	21
3.1	Skala Likert	28
3.2	Keputusan aras persetujuan responden	31
3.3	Rumusan julat skor min bagi aras persetujuan responden	32
3.4	Rumusan julat skor min bagi tahap penerimaan responden	32
3.5	Rumusan julat skor min bagi tahap permasalahan	33
4.1	Rumusan julat skor min bagi aras persetujuan persepsi responden	35
4.2	Rumusan julat skor min bagi tahap penerimaan responden	36
4.3	Rumusan julat min skor bagi tahap permasalahan responden	36
4.4	Kekerapan dan peratusan mengikut jantina	36
4.5	Kekerapan dan peratusan mengikut bangsa	37
4.6	Skor min persepsi reponden terhadap kaedah pengajaran koperatif kaedah STAD dapat meningkatkan kefahaman	38

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.7	Skor min persepsi reponden terhadap kaedah pengajaran koperatif kaedah STAD dapat membentuk kemahiran sosial	39
4.8	Skor min minat pelajar terhadap kaedah pengajaran koperatif STAD	40
4.9	Skor min persepsi reponden terhadap permasalahan menimbulkan konflik diri	42
4.10	Skor min persepsi reponden terhadap permasalahan menimbulkan konflik antara ahli kumpulan	43
4.11	Skor min persepsi responden terhadap lain-lain permasalahan	44



SENARAI LAMPIRAN

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
A	Kaedah pengajaran koperatif STAD	63-86
B	Borang soal selidik	87-91
C	Kajian rintis	92



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Konsep kerjasama adalah satu konsep yang begitu seiring dengan kehidupan manusia. Hampir setiap keadaan memerlukan kepada kerjasama antara satu sama lain bagi mencapai sesuatu matlamat yang diinginkan. Manusia tidak mempunyai pilihan kecuali mesti bekerjasama (Johnson & Johnson, 1994).

Kerjasama adalah sebahagian daripada sistem kehidupan manusia. Kerjasama bermula dari sistem biologi dalam tubuh manusia, keluarga, masyarakat dan negara, kerjasama manusia dengan alam sekitar, sehinggalah kerjasama manusia dalam keagamaan atau kerohanian.

Kerjasama merupakan jantung kepada perhubungan antara perorangan, kekeluargaan, sistem ekonomi dan sistem perundangan. Pada masa kini saling kebergantungan antara negara di dunia makin menjadi realiti di mana ia berasaskan kepada teknologi, ekonomi, ekologi, dan politik yang tidak mengira sempadan antara negara dan ia mengikat semua negara bersama. Memahami sifat sistem saling kebergantungan dan bagaimana untuk mengimplemantasikannya secara berkesan merupakan intipati kualiti kehidupan masa depan rakyat sesebuah negara. Persoalannya bukan sama ada kita harus bekerjasama atau tidak tetapi sebaliknya bagaimana untuk melakukannya sebaik mungkin.

Pepatah Melayu mengatakan, Bersatu Kita Teguh, Bercerai Kita Roboh. Kata-kata sedemikian sering kita dengar di mana-mana saja. Ia memberi erti bahawa perpaduan adalah elemen penting untuk mencapai sesuatu matlamat. Sekiranya perpaduan atau kerjasama sesama ahli tidak wujud maka setiap apa yang dicitakan mungkin tidak akan tercapai. Seperti petikan daripada tulisan Ashley Montagu (dalam Johnson & Johnson, 1994) menyatakan,

Without the cooperation of its members society cannot survive, and the society of man has survived because the cooperativeness of its members made survival possible.... It was not an advantageous individual here and there who did so, but the group. In human societies the individuals who are most likely to survive are those who are best enabled to do so by their group.

Dalam bidang pendidikan konsep kerjasama dan tolong-menolong juga amat penting. Kerjasama di antara pelajar boleh diwujudkan melalui pembelajaran secara berkumpulan. Pembelajaran secara kumpulan dapat memberi peluang kepada pelajar-pelajar memupuk sifat-sifat sosial yang positif seperti tolong-menolong, bantu-membantu, tanggungjawab, tolak ansur dan sebagainya (Ee Ah Meng, 1997).

1.2 Latar Belakang Masalah

Dewasa ini sistem pendidikan negara telah mengalami pelbagai perubahan. Antara idea perubahan yang telah diterima pakai ialah idea supaya bentuk pengajaran guru dipertingkatkan sejajar dengan perkembangan semasa. Desakan agar pelajar menjadi lebih proaktif sudah menjadi kenyataan sebelum ini. Perubahan kaedah pengajaran tradisional yang berpusatkan guru kepada kaedah terkini yang berpusatkan kepada pelajar mula mendapat tempat di kalangan para pendidik di negara ini. Guru harus memahami fenomena ini dan berusaha menggabungkan pelbagai ilmu, kemahiran dan kreativiti ke arah melahirkan satu corak penyampaian yang berkesan dan bermakna.

Menurut laporan Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) 1992, antara faktor yang mempengaruhi pencapaian prestasi pelajar ialah kaedah pengajaran yang dipraktikkan oleh guru dalam bilik darjah. Kajian-kajian pendidikan yang terdahulu mendapati bahawa antara sebab pelajar tidak berminat mengikuti pengajaran dalam kelas adalah kerana corak dan pola pengajaran guru membosankan mereka. Selain itu penurunan motivasi belajar di kalangan para pelajar juga disebabkan oleh sifat pengajaran yang homogen dan berbentuk sehalu iaitu guru kepada pelajar. Oleh kerana pengajaran secara kelas hanya menggunakan satu kaedah yang sama, maka kaedah ini tidak dapat menolong setiap murid mengembangkan potensi intelek, rohani, sosial dan jasmani secara menyeluruh dan seimbang (Mok Soon Sang, 2000).

Manakala kajian yang dibuat oleh Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 1985 mendapati bahawa 92% guru di Malaysia masih mengamalkan kaedah pengajaran secara kuliah. Dalam hal ini amalan guru dalam pengajaran di bilik darjah seharusnya tidak lagi tertumpu hanya dengan membekal maklumat dan memberi jawapan kepada para pelajar. Apa yang harus dilakukan ialah membekal tugas yang lebih mencabar terhadap aktiviti yang dijalankan dalam sesuatu pakej pembelajaran yang memerlukan analisis dan penyiasatan secara koperatif.

Usaha ini adalah ke arah mewujudkan suasana pembelajaran dan persekolahan yang lebih bermakna dan berkesan di mana guru-guru bukan lagi pendeta di atas pentas (*sage by the stage*) tetapi sebagai pembimbing di sisi (*guide by the side*) untuk menyampaikan pengajaran yang lebih berkesan.

Berbeza dengan konsep pengajaran koperatif (berkumpulan) di mana ia berasaskan kepada perubahan strategi pengajaran yang berorientasikan guru kepada strategi yang berpusatkan murid. Perubahan ini adalah untuk membolehkan murid menjalankan aktiviti pembelajaran melalui cara kumpulan (Mok Soon Sang, 2000).

Pengajaran koperatif (berkumpulan) menonjolkan sikap positif di kalangan pelajar berbanding kaedah individu (Johnson & Johnson, 1989). Sebagai contoh ketekunan mengatur dan mengikuti jadual belajar berkumpulan menjadi formula kejayaan tiga graduan bumiputera sehingga memperoleh ijazah sarjana muda kelas

pertama di bidang geoinformatik dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Mereka bijak memanfaatkan pertemuan untuk membincangkan mengenai pengajian mereka yang banyak memerlukan kerja berkumpulan (*Utusan Malaysia*, 23 Mei 2001).

Menurut Johnson dan Johnson (1991), pengajaran tradisional merupakan kaedah pengajaran yang pasif dan tidak memberansangkan pelajar. Pelajar mudah bosan dan tidak berminat meneruskan pelajaran lebih-lebih lagi jika mereka tidak memahami kandungan pelajaran tersebut. Terdapat beberapa perbezaan ciri yang jelas antara pengajaran tradisional dan pengajaran koperatif. Antaranya ialah seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 : Perbezaan ciri kaedah pengajaran tradisional dengan kaedah pengajaran koperatif

Kaedah Pengajaran Tradisional	Kaedah Pengajaran Koperatif
Pelajar tidak dapat berdikari	Pelajar berdikari secara positif
Tiada tanggungjawab individu	Wujud tanggungjawab individu
Pelajaran homogen	Pelajaran heterogen
Kepimpinan hanya untuk diri sendiri	Berkongsi kepimpinan bersama
Tiada tanggungjawab kumpulan	Wujud tanggungjawab kumpulan
Guru mengabaikan fungsi kumpulan	Guru sebagai pembimbing
Tiada proses kerja kumpulan	Proses kerja kumpulan yang efisien
Tiada kemahiran sosial	Kemahiran sosial secara langsung
Alat bantu mengajar tidak memberi kesan	Alat bantu mengajar digunakan sepenuhnya

(Disesuaikan daripada Johnson & Johnson, 1991)

Ahli pendidikan sependapat bahawa setiap pengajaran mestilah mempunyai aktiviti yang disediakan oleh guru. Aktiviti tersebut pada umumnya mempunyai kaitan dengan tujuan, suasana, kandungan dan kaedah pengajaran. Maksudnya setiap aktiviti yang ingin disediakan oleh guru mestilah dirancang terlebih dahulu. Oleh itu guru seharusnya menguasai kaedah pengajaran yang lebih bersistematik, dinamik dan dapat menarik minat pelajar untuk belajar. Pelajar akan menjadi lebih aktif melalui pendekatan pengajaran yang lebih bersifat aktif dan boleh memotivasikan mereka dalam pengajaran.

1.3 Pernyataan Masalah

Kaedah pengajaran koperatif telah lama diamalkan di negara-negara maju. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan didapati pembelajaran koperatif mempunyai kelebihan yang jauh lebih baik berbanding kaedah pengajaran tradisional yang diamalkan di sekolah.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat perubahan yang positif terhadap diri pelajar apabila guru mengubah pengajarannya daripada konsep persaingan secara individu dalam kelas kepada persaingan berbentuk kumpulan. Menurut Humphreys, Johnson dan Johnson (1982), mendapati bahawa pelajar yang belajar subjek sains fizikal melalui kaedah pembelajaran koperatif mendapat pengalaman yang lebih positif berbanding dengan pelajar yang diajar dengan kaedah individu dan persaingan.

Hasil daripada tinjauan penyelidikan, strategi pengajaran yang digunakan di Politeknik khususnya dalam mata pelajaran Perakaunan Kos 1 adalah berpusatkan guru (*teacher centered*). Kebanyakan pensyarah lebih selesa dengan pengajaran yang berbentuk kuliah atau penerangan dan menyediakan nota-nota untuk pelajar.

Corak pengajaran dan pembelajaran yang berpusatkan guru (*teacher centered*) menyebabkan pengajaran dalam bilik darjah menjadi kurang aktif. Ini kerana proses ini hanya berlaku sehala, iaitu pensyarah memberi seberapa banyak tunjuk ajar yang mungkin dan pelajar hanya menerima apa-apa yang diberikan oleh pensyarah. Corak pengajaran sebegini menyebabkan pelajar merasa cepat bosan dan tidak minat untuk belajar.

Antara faktor yang menyebabkan kelemahan prestasi pelajar ialah; tidak yakin akan lulus cemerlang terhadap sesuatu mata pelajaran yang dipelajari, tidak mempunyai minat untuk belajar, tidak mempunyai rakan sebaya untuk berbincang secara bersungguh-sungguh dengan berterusan dan tidak bersedia bersaing dengan kawan-kawan secara individu (Tajul Ariffin Nordin, 1989). Isu penting yang harus difahami oleh pensyarah Perakaunan Kos 1 ialah bagaimana untuk menghapuskan

kebosanan dan dapat menarik minat pelajar kepada mata pelajaran Perakaunan Kos 1 dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Bagi mengatasi masalah yang diuraikan di atas salah satu pendekatan yang boleh diambil adalah melaksanakan pendekatan pengajaran koperatif. Kaedah pengajaran koperatif amat sesuai dilaksanakan bagi menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih menarik. Ini kerana konsep pengajaran koperatif berasaskan kepada strategi berpusatkan pelajar. Dalam kaedah ini pelajar-pelajar terlibat secara aktif dan bukannya penerima maklumat yang pasif (Ee Ah Meng, 1997).

Terdapat beberapa kaedah pengajaran koperatif yang dibina seperti kaedah *Student Teams Achievement Divisions* (STAD), *Team Games Tournaments* (TGT), *Round Table*, *Learning Together* dan *Jigsaw Puzzle*. Oleh itu, kajian ini akan mengenalpasti tahap penerimaan dan tahap permasalahan pelajar terhadap kaedah pengajaran koperatif STAD khusus dalam mata pelajaran Perakaunan Kos 1 di Jabatan Perdagangan Politeknik Kota Bharu. Kaedah STAD dipilih kerana ia mudah untuk dilaksanakan dan sesuai kepada para pensyarah yang baru dengan kaedah pengajaran koperatif.

1.4 Persoalan Kajian

- a) Sejauh manakah tahap penerimaan pelajar terhadap kaedah pengajaran koperatif STAD bagi pengajaran subjek Perakaunan Kos 1?
- b) Sejauh manakah tahap permasalahan yang dihadapi oleh pelajar semasa kaedah pengajaran koperatif STAD dilaksanakan?

1.5 Objektif Kajian

Objektif yang dikemukakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada dua iaitu objektif umum dan objektif khusus.

1.5.1 Objektif Umum

- a) Mengenalpasti sejauh manakah tahap penerimaan pelajar terhadap kaedah pengajaran koperatif STAD dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Perakaunan Kos 1 di Jabatan Perdagangan Politeknik Kota Bharu Kelantan.
- b) Mengenalpasti tahap permasalahan yang dihadapi oleh pelajar apabila menggunakan kaedah pengajaran koperatif STAD dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Perakaunan Kos 1 di Jabatan Perdagangan Politeknik Kota Bharu Kelantan.

1.5.2 Objektif Khusus

Objektif khusus kajian yang dijalankan adalah bagi mengenalpasti sama ada kaedah pengajaran koperatif STAD diterima di kalangan pelajar untuk dipraktikkan di peringkat Politeknik.

1.6 Skop Kajian

- a) Penyelidik memilih kaedah pengajaran koperatif *Student Team-Achievement Divisions* (STAD) sebagai satu kaedah yang akan dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Perakaunan Kos 1 di Jabatan Perdagangan Politeknik Kota Bharu. Kaedah ini dipilih kerana ia mudah untuk dilaksanakan dan sesuai kepada para pensyarah yang baru dengan kaedah pengajaran koperatif.
- b) Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar Diploma Perakaunan semester 3 di Jabatan Perdagangan Politeknik Kota Bharu yang mengambil subjek Perakaunan Kos 1.

1.7 Kepentingan Kajian

- a) Pensyarah
Kajian yang cuba dilakukan adalah mengenai pelaksanaan kaedah pengajaran koperatif di peringkat politeknik. Kajian di buat bagi mengenalpasti sama ada kaedah pengajaran koperatif STAD yang dicadangkan sesuai untuk diaplikasikan di peringkat politeknik. Hasil kajian diharap boleh dijadikan kayu ukur oleh pensyarah untuk melaksanakan kaedah pengajaran koperatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran khususnya dalam mata pelajaran Perakaunan Kos 1. Ia juga dapat memberikan keyakinan kepada pensyarah untuk mengamalkan pengajaran koperatif dengan adanya kajian yang dibuat.
- b) Pelajar
Kajian yang dilakukan juga diharap dapat memberi kesedaran kepada pelajar agar dapat meningkatkan kefahaman, penghayatan dan mengamalkan gaya pembelajaran koperatif secara optimum dan berkesan.

1.8 Definisi Operasi

Dalam kajian ini, definisi operasi adalah seperti berikut.

1.8.1 Pengajaran Koperatif

Secara amnya, pengajaran koperatif boleh ditakrifkan sebagai satu kaedah pengajaran di mana pelajar bekerjasama dalam satu kumpulan kecil untuk membantu antara satu sama lain mempelajari bidang akademik (Robert E. Slavin, 1995). Pengajaran koperatif menggalakkan seseorang pelajar berinteraksi secara aktif dan positif dalam kumpulan. Sebagai contoh, sekiranya satu tugas diberikan oleh guru dan hanya seorang pelajar yang menyelesaikan tugas tersebut manakala ahli lain lepas tangan maka ia bukan pembelajaran koperatif.

1.8.2 *Student Teams-Achievement Divisions* (STAD)

Student Teams-Achievement Divisions (STAD) adalah salah satu kaedah pengajaran koperatif yang mudah dan ia adalah model yang baik bagi guru atau pensyarah yang baru dengan pendekatan pengajaran koperatif. Kaedah ini mempunyai 5 komponen utama iaitu:

- i) Pengajaran pensyarah
- ii) Pembahagian Kumpulan
- iii) Soalan kuiz (ujian)
- iv) Penilaian
- v) Peneguhan atau ganjaran

(Disesuaikan daripada Robert E. Slavin, 1995)

Kaedah STAD yang akan dilaksanakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek Perakaunan Kos 1 adalah seperti di Lampiran A.

1.8.3 Jabatan Perdagangan Politeknik

Jabatan Perdagangan adalah salah satu unit daripada empat unit yang ada di Politeknik Kota Bharu. Jabatan ini menawarkan dua kursus iaitu Diploma dan Sijil Perdagangan dan Diploma dan Sijil Perakaunan.

1.8.4 Perakaunan Kos 1 (P335)

Perakaunan Kos 1 (P335) adalah mata pelajaran yang diajar dalam semester 3 bagi pelajar-pelajar Diploma dan Sijil Perakaunan di Politeknik. Objektif kursus ini adalah untuk mendedahkan kepada pelajar pengenalan teori dan praktis ilmu perakaunan pengurusan di samping perakaunan kos. Sistem perakaunan kos mendedahkan kepada pelajar bagaimana mengumpul maklumat kewangan bagi pengiraan kos dan pengukuran untung. Kursus ini juga memerlukan pelajar-pelajar memahami perakaunan pengkosan yang memfokuskan kepada pengiraan untuk menentukan kos atau harga sesuatu produk.



PTTA
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB II

SOROTAN KAJIAN

2.1 Pengenalan

Perkembangan pendidikan di negara kita, khususnya sejak tahun awal tahun 1980an, menuntut perubahan mengenai pengendalian pengajaran dan pembelajaran dalam bilik darjah. Keperluan pendidikan terhadap kepelbagaian teknik dan kaedah pengajaran adalah sejajar dengan perkembangan dan kemajuan teknologi serta kebolehan pelajar yang pelbagai bagi melahirkan insan yang cemerlang.

Kepelbagaian teknik pengajaran penting bagi mewujudkan proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih merangsangkan dan menyeronokkan. Apa yang ditekankan ialah kepelbagaian dalam pendekatan, kaedah dan teknik agar pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih bermakna dan menarik.

Guru atau pengajar memainkan peranan yang penting dalam pendidikan. Mereka mempunyai pilihan untuk menyusun strategi pengajaran sama ada cara persaingan, individu, atau koperatif (bekejasama). Keputusan guru atau pengajar menyusun pengajaran boleh mempengaruhi pengetahuan, sikap dan interaksi pelajar dengan pelajar lain (Carson, 1990). Oleh demikian, guru hendaklah merancang aktiviti pengajaran yang dapat menarik minat pelajar dan menjadikan suasana pembelajaran dalam bilik darjah menjadi lebih seronok dan aktif.

Melalui strategi pengajaran secara bersaing, pelajar lebih menumpukan kepada usaha untuk menentukan siapa yang terbaik (Johnson & Johnson, 1991). Strategi pengajaran jenis ini menyebabkan pelajar merasakan bahawa mereka boleh mencapai matlamat hanya apabila pelajar lain gagal untuk mencapai matlamat mereka (Johnson, Johnson. & Holubec, 1986).

Manakala kaedah pengajaran koperatif memerlukan pelajar bekerjasama untuk mencapai matlamat kumpulan yang tidak boleh dipenuhi dengan bekerja sendiri atau dengan cara bersaing. Strategi pembelajaran jenis ini memerlukan pelajar berbincang sesama ahli kumpulan berkenaan dengan perihal subjek, saling bantu membantu, dan memberi galakan kepada ahli kumpulan untuk mencapai matlamat yang sama (Johnson, Johnson & Holubec, 1986).

Pengajaran koperatif, sebagai metodologi pengajaran memberi peluang kepada pelajar untuk meningkatkan kemahiran berinteraksi secara kumpulan dan melatih pelajar bekerja dengan pihak lain yang amat diperlukan dalam persekitaran kehidupan hari ini (Carol, 1988). Merujuk kepada Johnson dan Johnson (1989), suasana pengajaran koperatif melahirkan sikap positif yang tinggi berbanding dengan kaedah pengajaran secara bersaing, malah pengajaran koperatif memberi kesan yang positif ke atas pencapaian prestasi dan dapat mengekal maklumat dalam ingatan (Slavin, 1991).

McKeachie (1986), menyatakan bahawa melalui aktiviti pengajaran koperatif, pelajar memperoleh kemahiran berfikir secara kritikal dan mengetahui strategi-strategi pembelajaran metakognitif, seperti belajar bagaimana hendak belajar, dalam kumpulan kecil koperatif berbanding dengan hanya mendengar guru mengajar.

BIBLIOGRAFI

- Adam, D., Carlson, H. & Hamm, M. (1990), "Cooperative Learning & Educational Media: Collaborative with Technology and each other", America Syarikat: Educational Technology Publications.
- Anuar Ahmad (1998), "Kaedah Pengajaran Koperatif bagi Pengajaran Sejarah" dalam Juriah Long, "Inovasi dalam Perkaedahan Pengajaran Bahasa, Sains Sosial dan Teknologi Maklumat", Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. 165-177.
- Carson, L. (1990), "Cooperative learning in the home economics classroom", *Journal of Home Economics*, 82(4), 37-41
- Carol, A. (1988), "High school graduates in entry level jobs: What do employers want?" (Eric Digest No. 40). New York: Reproduction Service No. ED 293972.
- Cuseo, J. (1992), "Cooperative Learning vs small group discussion group dan discussion projects: The critical differences".
http://www.edletter.org/past/issues/2000_mi/cooperates.html retrieved on 3/2/2002.
- Dr. Ismail Zain, () "Pendidikan Bertaraf Dunia Ke Arah Pembestarian Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran", *Utusan Malaysia*.
- Ee Ah Meng (1997), "Pedagogi II: Pelaksanaan Pengajaran", Penerbit Fajar Banti Sdn. Bhd., Shah Alam.

- Felder, Richard. M & Brent, Rebecca (1994), "Cooperative Learning in Technical Courses: Procedures, pitfall and payoff", (ERIC Document Reproduction Service Report ED 377038)
- Freiberg, H.J. & Driscoll, A (1992), "Universal Teaching Strategies", Needham Heights, MA: Allyn & Bacon.
- Hooper, S. & Hanafin, MJ. (1991), "The Effects of Group Composition on Achievement, Interaction and Learning Efficiency During Computer – based Cooperative Instruction", *Education Technology, Research and Development*, Vol 39.
- Humphreys, B., Johnson, R.T., & Johnson, D.W. (1982), "Effects of cooperative, competitive, and individualistic learning on students' achievement in science class", *Journal of Research in Science Teaching*, 19(5), 351-356.
- Johnson, D.W., Johnson, R.T., & Holubec, E.J. (1986), "Circles of learning: Cooperation in the classroom", Edina, MN: Interaction Book Company.
- Johnson, D.W., & Johnson, R.T. (1989), "Leading the cooperative school", Edina, MN: Interaction
- Johnson, D.W., & Johnson, R.T. (1990), "Social skills for successful group work", *Educational Leadership*, 47(4), 29-33.
- Johnson, D.W., & Johnson, R.T. (1991), "Learning Together and Alone: Cooperative, Competitive, and Individualistic", Third Edition. Englewood Cliffs, NJ: Prentice Hall.
- Johnson, D.W & Johnson, R.T (1991), "Active Learning: Cooperation in the College Classroom", Interaction Book Company, Edina, MN, ISBN 0-939603-14-4)

Johnson, D.W. & Johnson, R.T. (1994), "Learning Together and Alone", Prentice Hall, Inc. New Jersey.

Locatis, C. (1997), "Cooperative Learning and Distance Education Online",
<http://tlc.nlm.nih.gov/resources/publications/sourcebook/cooperativelearning.htm>

Kagan, S. (1994), "Cooperative Learning", San Juan Capistrano, CA.

Majlis Peperiksaan Malaysia (1989), Laporan Peperiksaan STPM Kuala Lumpur:
Kementerian Pendidikan Malaysia.

McKeachie, W.J. (1986), "Teaching Tips: A Guidebook for the Beginning College
Teacher", Lexington, MA: D.C. Heath and Company.

Mok Soon Sang (1998), "Pedagogi 2: Pelaksanaan Pengajaran (Edisi 2)", Kumpulan
Budiman Sdn Bhd., Kuala Lumpur.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999), "Penyelidikan Pendidikan", Universiti Teknologi
Malaysia, Skudai, Johor.

Natasya Mariz Mohamed (2000), "Persepsi Pelajar Sarjana Pendidikan Semester 3 Sesi
1999/2000 Terhadap Pendekatan Pengajaran Berkesan Oleh Pensyarah Program
Sarjana Pendidikan (Teknikal) Di ITTHO", Kolej Universiti Teknologi Tun
Hussein Onn: Tesis Sarjana.

NorAzizah Salleh & Chong, P. W. (2000), "A review of cooperative learning research
and its implication for teacher education. Proceeding Strategizing Teaching and
Learning in the 21st Century", International Conference on Teaching and
Learning 24th 25th Nov. UKM

- Rita Nursharizad Mohd Rozi, Nui a/p Din Keraf, Norazlina Md Yusof. "Amalan Pembelajaran Koperatif yang Berkesan dalam Aktiviti Berkumpulan Pelajar Diploma Pengurusan Pelancongan Politeknik Johor Bahru". Kolej Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Rosini b. Abu (), Jabatan Pendidikan Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Pertanian Malaysia, *Journal of Vocational and Technical Education*, "The effects of cooperative learning methods on achievement, retention, and attitudes of home economics students in North Carolina".
- Ryvasy, S. Dm, & Sales, G.C (1990), "Cooperative Learning in Computer Based Instruction", *Education Technology, Research and Development*, Vol 39.
- Sharifah bt Polai (2001), "Kepentingan Penghayatan dan Pengamalan pembelajaran Koperatif bagi Pelajar Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional Semester 1 kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn", Kolej Universiti Tun Hussein Onn: Tesis Sarjana.
- Slavin, R.E. (1991), "Synthesis of Research on Cooperative Learning", *Educational Leadership*, pp71-77.
- Slavin, R. E. 1995, "Cooperative Learning: Second Edition", A Simon & Schuster Company, Massachusetts, US
- Sulaiman Ngah Razali (1996), "Analisi Data Dalam Penyelidikan Pendidikan", Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Tajul Ariffin Nordin (1989), "Tinjauan Masalah-masalah Pembelajaran di kalangan Pelajar Berpencapaian Rendah: Kaedah Perbincangan", *Jurnal Personalia Pelajar*, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tjosvold, D., Marine, P., & Johnson, D.W. (1977). "The effects of cooperation and competition on student reactions to inquiry and didactic science teaching", *Journal of Research in Science Teaching*, 11(4), 281-288.

Uma Sekaran (1992). "Research Methods For Business And Skill Building Approach", 2nd Edition, John Willey & Sons Inc, Canada.

Utusan Malaysia, 10 April 2001.

Utusan Malaysia, 23 Mei 2001.



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH